

# ZYLTAN H TABLET

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Losartan Potassium 50 mg and Hydrochlorothiazide 12.5 mg Tablets USP

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan ZYLTAN H
2. Bagaimana ZYLTAN H berfungsi
3. Sebelum menggunakan ZYLTAN H
4. Cara menggunakan ZYLTAN H
5. Semasa menggunakan ZYLTAN H
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan ZYLTAN H
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

## Apakah kegunaan ZYLTAN H

ZYLTAN H digunakan untuk rawatan tekanan darah tinggi (hipertensi) pada pesakit yang memerlukan kedua-dua losartan dan hydrochlorothiazide. Kombinasi dos tetap ini tidak digunakan untuk terapi awal hipertensi, kecuali jika hipertensi itu cukup teruk sehingga nilai mencapai kawalan tekanan darah segera melebihi risiko memulakan terapi kombinasi pada pesakit. Ia juga digunakan untuk mengurangkan risiko strok pada pesakit dengan hipertensi dan hipertrofi ventrikel kiri (pembesaran dinding ruang kiri jantung).

## Bagaimana ZYLTAN H berfungsi

ZYLTAN H adalah kombinasi angiotensin II reseptor antagonis (losartan) dan diuretik (hydrochlorothiazide). Losartan dan hydrochlorothiazide berfungsi bersama untuk menurunkan hipertensi. Losartan menurunkan tekanan darah dengan menghalang angiotensin II. Angiotensin II biasanya mengetatkan saluran darah. Losartan membolehkan saluran darah mengendur. Hydrochlorothiazide berfungsi dengan menjadikan ginjal mengeluarkan lebih air dan garam.

## Sebelum menggunakan ZYLTAN H

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil ZYLTAN H jika: Anda alergik terhadap mana-mana bahan kandungan ZYLTAN H atau ubat sulfonamide atau sulfur. Jika anda tidak membuang air kecil. Jika tarikh yang tercetak pada pek telah berlalu.

### Mengandung dan menyusukan anak

Jangan ambil ZYLTAN H jika anda mengandung, cuba untuk mengandung atau rasa anda mungkin mengandung. Jangan ambil ZYLTAN H jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

### - Sebelum mula menggunakan ZYLTAN H

Maklumkan doktor jika: Anda merancang untuk mengandung atau menyusukan anak. Anda pernah mengalami sebarang penyakit perubatan. Anda baru-baru ini mengalami muntah atau cirit-birit yang berlebihan. Anda alergik terhadap sebarang ubat atau bahan.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan. Doktor atau ahli farmasi mempunyai maklumat lanjut mengenai ubat-ubat yang perlu anda berikan perhatian atau elakkan semasa mengambil ZYLTAN H.

## Cara menggunakan ZYLTAN H

### - Berapa banyak harus digunakan

Doktor akan memberitahu anda berapa banyak tablet perlu anda ambil setiap hari. Ini bergantung kepada penyakit anda dan sama ada anda sedang mengambil ubat lain. Bagi kebanyakan pesakit, dos biasa ialah satu tablet ZYLTAN H sekali sehari. Bergantung kepada penyakit anda, dos itu mungkin perlu bertambah kepada dua tablet ZYLTAN H sekali sehari.

Ikut arahan doktor dan ahli farmasi dengan teliti. Ia mungkin berbeza daripada maklumat dalam risalah ini. Jika anda tidak faham arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### - Bila perlu digunakan

- Anda boleh mengambil ZYLTAN H sebelum atau selepas makan.  
- Ambil ZYLTAN H pada masa yang lebih kurang sama setiap hari. Ini juga akan membantu anda ingat bila perlu mengambil tablet ini. Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

ZYLTAN H perlu diambil setiap hari. Terus mengambil ZYLTAN H selagi dicadangkan doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera. Terambil tablet berlebihan boleh menyebabkan tekanan darah menurun, denyutan jantung tidak teratur disebabkan oleh agitasi dan nadi perlakan.

## Semasa menggunakan ZYLTAN H

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan ZYLTAN H. Beritahu doktor dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

Jika anda berasa sedikit pitam, pening atau pengsan apabila bangun dari tidur atau berdiri, bangun perlahan-lahan. Jika

anda mengalami muntah dan/atau cirit-birit berlebihan semasa mengambil ZYLTAN H, atau anda mengalami sebarang simptom seperti mulut kering, dahaga, lemah, keletihan, pening, sakit atau kejang otot, denyutan jantung cepat, membuang air kencing kurang daripada biasa. Pastikan anda minum air secukupnya semasa bersenaman dan cuaca panas apabila anda mengambil ZYLTAN H, terutamanya jika anda berpeluh banyak. Jika anda tidak minum air secukupnya semasa mengambil ZYLTAN H, anda mungkin pengsan atau rasa sedikit pitam atau tidak sihat.

**- Perkara yang tidak boleh digunakan**

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda. Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor anda. Jangan berkongsi ZYLTAN H dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

**- Perkara yang perlu diberi perhatian**

**Memandu dan menggunakan jentera**  
Ubat ini boleh mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera. Jika anda minum alkohol, atau mengambil ubat tahan sakit atau barbiturat yang kuat, kesannya mungkin lebih teruk.

**Kesan-sesan sampingan**

Seperti ubat-ubat lain, ZYLTAN H boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan berikut selepas menggunakan ubat ini:

Loya, muntah, kekejangan, sembelit, kegelisahan, sakit kepala, lemah, pening, keletihan, perubahan rasa, penglihatan kabur sementara, batuk, ruam,

dermatitis, sensitiviti kulit terhadap matahari meningkat, cirit-birit, jaundis, bangkok muka, bibir, mulut, tekak atau lidah yang boleh menyebabkan kesukaran menelan atau bernafas, sesak nafas dan reaksi kulit yang teruk.

Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas boleh juga berlaku pada sesetengah pesakit. Rujuk kepada doktor/ahli farmasi anda untuk maklumat lanjut.

Jangan terkejut dengan senarai kesan sampingan yang mungkin ini. Anda mungkin tidak akan mengalami sebarangnya.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my)  
(Consumers → Reporting).

**Cara penyimpanan dan pelupusan**

**ZYLTAN H**

**- Penyimpanan**

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak. Simpan di bawah suhu 30°C dan lindungi daripada cahaya.

**- Pelupusan**

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

**- Rupa dan warna produk**

Tablet berwarna perang kemerahan, berbentuk bujur, bersalut film, mempunyai garisan putus pada sebelah.

**- Bahan-bahan kandungan**

- Bahan aktif  
Losartan Potassium dan Hydrochlorothiazide

- Bahan tidak aktif  
Croscarmellose Sodium, Microcrystalline Cellulose, Sodium Starch Glycolate, Magnesium Stearate, Talc, Ethyl Cellulose, Ferric Oxide Red, Hydroxy Propyl Methyl Cellulose 2910 (E15), Isopropyl Alcohol, Methylene Chloride, Propylene Glycol, Titanium Dioxide.

**- Nombor MAL:**  
MAL13065036A

**Pengilang**

Troikaa Pharmaceuticals Ltd.  
C-1, Sara Industrial Estate, Selaqui,  
Dehradun, Uttarakhand, India.

**Pemegang Pendaftaran Produk**  
Medispec (M) Sdn Bhd (137156-U)  
Lorong Sempadan 2,  
(Off Boundary Road), 11400 Ayer Itam,  
Penang, Malaysia

**Tarikh kemas kini RiMUP**  
18/12/2013